



PENDIDIKAN

ARKIB : 31/10/2001

Gerakan bersepadu ke arah pendidikan bertaraf dunia

SEMUA pihak yang terlibat dalam pendidikan termasuk pelajar, guru, sekolah, jabatan pendidikan negeri dan maktab perguruan serta masyarakat perlu bergerak secara bersepadu untuk mencapai matlamat menjadikan pendidikan negara bertaraf dunia.

Pengarah Institut Aminuddin Baki (IAB), Kementerian Pendidikan, Dr. Wan Chik Rahmah Wan Din berkata, gerakan bersepadu itu memerlukan semua pihak terlibat menilai entiti yang lebih besar dalam melakukan sesuatu.

Ini kerana katanya, masa depan pendidikan negara bergantung kepada setiap sumbangan organisasi yang ada dalam kementerian.

``Melalui seminar ini, IAB berharap dapat mencetuskan pemikiran dan semangat baru ke dalam diri pemimpin dan pengurus pendidikan dalam membawa pendidikan negara ke mercu kejayaan," katanya ketika berucap pada majlis Perasmian Seminar Nasional Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan Ke-10 semalam.

Tema seminar tahun ini ialah Kesepaduan Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan: Keperluan Dan Tuntutan.

Dr. Wan Chik juga berkata, gerakan bersepadu itu perlu dilaksanakan segera kerana sekolah kini berhadapan dengan arah aliran yang tidak sihat.

Menurutnya, gejala tidak sihat dalam persekitaran sekolah itu tidak boleh dibiarkan berterusan.

``Adakah perlu kita berpeluk tubuh dalam zon selesa dan membiarkan masalah itu berlarutan.

``Tentu sekali tidak kerana kita tidak mampu berdiam diri," katanya.

Sehubungan itu katanya, beberapa langkah telah diambil oleh kementerian bagi menangani masalah itu, antaranya mengadakan kursus dan perbincangan di kalangan pemimpin dan pengurus pendidikan.

Justeru katanya, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam usaha memantapkan pendidikan negara.

``Setiap orang perlu berusaha untuk mencapai misi ini dan saya berharap seminar ini dapat mencetuskan pemikiran dan semangat baru dalam membawa pendidikan negara ke mercu kejayaan," katanya.

Mengenai seminar hari ini, katanya, ia diperkenalkan sejak tahun 1989 dengan tujuan untuk mengukuh jati diri pemimpin dan pengurus sekolah dalam menghadapi cabaran isu-isu pendidikan semasa.

``Ia juga memberi peluang kepada pemimpin dan pengurus pendidikan membincangkan isu-isu semasa yang relevan dengan perkembangan pengurusan dan kepemimpinan pendidikan," katanya.

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1031&pub=utusan_malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_02.htm#ixzz2vdfAXeSk

© Utusan Melayu (M) Bhd